

DOXYCILLIN TABLET

Doxycycline hydrochloride (100mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Doxycillin
2. Bagaimana Doxycillin berfungsi
3. Sebelum menggunakan Doxycillin
4. Cara menggunakan Doxycillin
5. Semasa menggunakan Doxycillin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Doxycillin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Doxycillin

Doxycillin adalah sejenis antibiotik. Ia digunakan untuk merawat beberapa jangkitan bakteria seperti:

- Demam yang dikaitkan dengan gigitan kutu atau tungau (demam tifus)
- Jangkitan dada, paru-paru atau hidung, contohnya pneumonia
- Penyakit bawaan seks, contohnya *gonorrhoea*, *syphilis*, *chlamydia*
- Jangkitan saluran kencing (laluhan di mana air kencing mengalir), contohnya *urethritis*

Ia juga digunakan untuk mencegah dan merawat malaria (apabila chloroquine tidak berkesan), *leptospirosis* (bakteria yang dibawa oleh haiwan dan boleh dijumpai dalam tanah dan air) dan kolera.

Ia digunakan dengan ubat lain untuk merawat jerawat dan jangkitan parasit usus. Ia juga digunakan untuk mencegah scrub typhus dan

cirit-birit semasa melancong (traveller's diarrhoea).

Bagaimana Doxycillin berfungsi

Doxycillin merupakan antibiotik dalam kumpulan tetracycline. Ia menghalang sintesis protein dan menghentikan pertumbuhan bakteria.

Sebelum mengambil Doxycillin

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil Doxycillin jika:

- Anda alah kepada doxycycline atau mana-mana bahan kandungan lain Doxycillin.
- Anda alah kepada antibiotik tetracycline yang lain.
- Anda hamil, cuba untuk hamil atau berasa anda sudah hamil.
- Anda sedang menyusu bayi
- Anda menghidap penyakit systemic lupus erythematosus (sejenis penyakit autoimun)

Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai sebarang pertanyaan

- Sebelum mula mengambil

Maklumkan kepada doktor anda sebelum mengambil Doxycillin jika:

- Anda mungkin akan terdedah kepada cahaya matahari yang kuat atau cahaya UV. Anda perlu mengelakkan pendedahan kepada cahaya matahari yang kuat semasa mengambil ubat ini.
- Anda mempunyai masalah hati.

- Anda mempunyai myasthenia gravis (sejenis penyakit yang menyebabkan keletihan luar biasa dan kelemahan otot tertentu, terutamanya kelopak mata).
- Anda akan mengambil ujian tertentu seperti pengukuran urinary catecholamines dan enzim hati / bilirubin

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila rujuk kepada doktor anda jika anda sedang mengambil atau pernah mengambil sebarang ubat lain kebelakangan ini, termasuk ubat yang anda beli tanpa preskripsi.

Contoh-contoh ubat yang perlu diberi perhatian:

- Antasid (termasuklah aluminium, magnesium dan calcium), penyediaan iron, zinc dan bismuth oral.
- Ubat antiepileptik – phenytoin, carbamazepine dan barbiturates.
- Ubat yang toksik kepada hati – erythromycin, chloramphenicol, isoniazid dan sulphonamides
- Bile acid sequestrants – cholestyramine, colestipol
- Pil pencegah hamil – mengurangkan kesan pil tersebut
- Lithium (untuk penyakit mental)
- Digoxin (untuk penyakit jantung)
- Theophylline (untuk penyakit pernafasan)
- Warfarin (untuk mencegah darah beku)

DOXYCILLIN TABLET

Doxycycline hydrochloride (100mg)

Cara menggunakan Doxycillin

- Berapa banyak harus digunakan

Sila mematuhi arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Arahan tersebut mungkin berbeza dengan maklumat berikut.

Dos yang disyorkan untuk orang dewasa ialah:

Hari Pertama: 200mg/hari sebagai dos tunggal; atau 100mg setiap 12 jam

Hari-hari yang berikutnya: 100mg sehari; atau 50mg setiap 12 jam

Untuk jangkitan yang lebih serius, 200 mg sehari seharusnya diberikan sepanjang tempoh rawatan.

Untuk kanak-kanak berumur 8 tahun atau ke bawah, Doxycillin hanya boleh diberikan sekiranya potensi manfaat ubat adalah lebih besar berbanding kesan sampingannya untuk penyakit yang teruk atau mengancam nyawa seperti *Rocky Mountain spotted fever* (disebabkan oleh kutu). Dos yang disyorkan untuk kanak-kanak berumur 8 tahun atau lebih dengan berat badan 45 kg atau kurang ialah:

Hari Pertama: 4.4mg/kg setiap hari; atau 2.2 mg/kg setiap 12 jam

Hari-hari yang berikutnya: 2.2 mg/kg setiap hari; atau 1.1 mg/kg setiap jam

Untuk kanak-kanak dengan berat badan lebih daripada 45 kg, dos orang dewasa lazim seharusnya diberikan.

Jerawat: 50-100 mg setiap hari sehingga 12 minggu.

Rawatan malaria: 200 mg setiap hari selama sekurang-

kurangnya 7 hari.

Pencegahan malaria: 100 mg setiap hari pada orang dewasa; untuk kanak-kanak berumur 8 tahun ke atas, dos ialah 2 mg/kg yang diberikan sekali sehari sehingga maksimum dos dewasa. Pencegahan boleh dimulakan 1-2 hari sebelum memasuki kawasan malaria. Dos seharusnya diambil setiap hari semasa perjalanan di kawasan malaria dan selama empat minggu selepas meninggalkan kawasan malaria.

Rawatan dan pencegahan selektif kolera pada orang dewasa: 300 mg sebagai dos tunggal.

Pencegahan scrub typhus: 200 mg sebagai dos tunggal yang diambil melalui mulut.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Tempoh penggunaan Doxycillin bergantung kepada keadaan penyakit anda. Sila mengambil ubat ini mengikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlupa sebaik sahaja anda teringat dan mengambil dos seterusnya mengikut jadual yang biasa.

Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang terlupa dan mengambil dos seterusnya mengikut jadual biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

Jika anda tidak pasti, minta nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau menuju ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda fikir anda atau orang lain terambil dos berlebihan. Sila berbuat begitu walaupun tiada ketidakselesaan atau tanda-tanda keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan dengan kadar segera.

Semasa menggunakan Doxycillin

- Perkara yang perlu dilakukan

Sila ambil Doxycillin mengikut arahan doktor anda

Ambil pada selang masa yang tetap.

Doxycillin perlu diambil bersama segelas air penuh (240mL) dalam posisi tegak untuk mengurangkan ketidakselesaan perut. Anda boleh mengambil ubat ini bersama makanan atau susu jika berlakunya ketidakselesaan perut.

Sila ambil Doxycillin sekurang-kurangnya satu jam sebelum tidur.

Maklumkan doktor, doktor gigi dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Doxycillin.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini

DOXYCILLIN TABLET

Doxycycline hydrochloride (100mg)

kecuali diarahkan oleh doktor anda. Antibiotik ini perlu dihabiskan melainkan arahan daripada doktor.

Jangan ambil ubat-ubatan baru tanpa meminta nasihat doktor anda.

Jangan beri Doxycillin kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan pendedahan kepada matahari secara berlebihan.

Jika anda berasa kesan Doxycillin terlalu kuat atau terlalu lemah, maklumkan kepada doktor anda untuk langkah seterusnya.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan yang lain, Doxycillin mempunyai kesan-kesan sampingan.

Kesan-kesan sampingan yang sering dilaporkan:

Kesan sampingan yang biasa:

- Cirit-birit.
- Loya dan/atau muntah.
- Mulut kering, keradangan pada lidah, mulut atau bibir, susah untuk menelan.
- Kulit lebih sensitif kepada cahaya matahari berbanding biasa (fotosensitif). Anda mungkin mengalami ruam, gatal, merah atau selaran matahari yang serius.
- Perubahan warna pada gigi

Kesan sampingan yang kurang daripada biasa:

- Jangkitan kulat pada mulut atau faraj.
- Gatal pada bahagian dubur.
- Kegelapan atau perubahan warna pada lidah

Gejala Sistem Imunisasi: Kekerapan tidak diketahui: *Jarisch-Herxheimer reaction* (rujuk *Warnings and Precautions*)

Maklumkan doktor anda dengan segera jika anda mengalami mana-mana tindak balas alahan berikut selepas mengambil ubat ini. Walaupun tindak balas ini luar biasa tetapi boleh jadi teruk.

- Kesukaran bernafas (bunyi bersiul), sakit dada, demam, bengkak, ruam atau reaksi kulit termasuk gatal (seluruh badan).

Kesan sampingan yang jarang berlaku:

- Pigmentasi yang tidak normal pada kulit dan mata.
- Penyakit darah - hemolytic anemia (pemusnahan sel darah merah), eusinofilia (peningkatan sel eosinophil dalam darah) neutropenia (peningkatan sel neutrofil dalam darah), trombositopenia (platelet rendah) dan hipoprotrombinemia (kekurangan faktor pembekuan darah).

Tompok bulat atau bujur berwarna kemerahan dan bengkak pada kulit yang muncul semula di tempat yang sama setiap kali ubat diambil (erupsi tetap)

Jika anda berasa kesan sampingan yang dialami serius atau tidak disenaraikan di dalam risalah ini, sila beritahu doktor anda secepat mungkin.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines(AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan Doxycillin

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam pek asal sehingga diperlukan.

Simpan ubat di tempat yang kering bawah suhu 30°C dan lindungi daripada cahaya.

Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Jangan menggunakan Doxycillin selepas tarikh luput.

Ubat-ubatan tidak patut dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Pil berwarna hijau, berdiameter 8mm, cembung bulat, bersalut filem. Setiap pil mengandungi *Doxycycline*

DOXYCILLIN TABLET

Doxycycline hydrochloride (100mg)

hydrochloride bersamaan
dengan *Doxycycline*
100mg.

- *Bahan-bahan kandungan*

- Bahan aktif:

Doxycycline hydrochloride

- Bahan tidak aktif:

- *Corn Starch*
- *Lake of Quinoline Yellow*
- *Lake of Indigo Carmine*
- *Lactose*
- *Chloroform Spirit*
- *Opadry OYC 7000A White*
- *Magnesium Stearate*

- *Nombor MAL*

MAL19860580AZ

Pengilang

Duopharma Manufacturing
(Bangi) Sdn Bhd
Lot 2&4, Jalan P/7, Section
13 Bangi Industrial Estate,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

**Pemegang Pendaftaran
Produk**

Duopharma Manufacturing
(Bangi) Sdn Bhd
Lot 2, 4, 6, 8 & 10, Jalan
P/7, Section 13, Bangi
Industrial Estate, 43650
Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh kemaskini RiMUP

19/12/2025

Serial Number:

NPRA(R2/3)251216/01587